

13 MAY 2003

Shahidan-Renang

MALIK MYDIN AKAN BERENANG RENTASI SELAT MELAKA

LANGKAWI, 13 Mei (Bernama) -- Abdul Malik Mydin dijangka akan menjadi tumpuan ribuan rakyat Malaysia apabila melakukan percubaan berenang dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi pada 24 Mei ini.

Pemuda berusia 28 tahun itu akan berenang sejauh 48 kilometer merentasi Selat Melaka sebagai persediaannya untuk berenang merentasi Selat Inggeris pada Ogos ini bagi mencatat nama sebagai rakyat Malaysia pertama yang berbuat demikian.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan program cabaran renang Kuala Perlis-Pulau Langkawi itu pada pukul 9 malam.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Cabaran Renang Kuala Perlis-Pulau Langkawi di sebuah hotel di sini hari ini, beliau berharap Abdul Malik mampu melakukannya.

Shahidan yang juga pengerusi jawatankuasa itu berkata sebagai langkah keselamatan, Abdul Malik, yang merupakan anak kelahiran Pulau Pinang, akan berenang selama 20 jam dalam sebuah sangkar khas yang dibawa oleh sebuah bot.

Beberapa buah bot jabatan Polis, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan dan kumpulan berkayak akan mengiringi Abdul Malik dalam cabaran itu.

Shahidan berkata Abdul Malik akan berlepas daripada jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Perlis dan akan mengakhiri cabaran itu di jeti Kuah, Pulau Langkawi.

Katanya selepas melancarkan program itu, Dr Mahathir dijadual merasmikan loji penjana tenaga bebas berharga RM1.9 bilion di Sungai Baharu, kira-kira 10 kilometer dari Kuala Perlis.

-- BERNAMA

AD ROS